

Terowong pintar dekat Lapangan Sungai Besi kurangkan banjir kilat

UM 13 JUN 2003

KUALA LUMPUR 12 Jun — Projek pembinaan terowong pintar yang dimulakan sejak dua bulan lalu bersebelahan di Lapangan Terbang Sungai Besi dijangka dapat mengurangkan masalah kekerapan banjir kilat di ibu negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Mansor berkata, pembinaan terowong berkenaan mempunyai beberapa ciri istimewa yang antaranya berupaya mengalihkan aliran air deras keluar dari kawasan pusat bandar raya sekiranya berlakunya hujan lebat berterusan.

“Ia dibina berdasarkan keupayaan mengalihkan aliran air deras pada bahagian hulu Kuala Lumpur supaya tidak masuk ke Sungai Gombak dan Sungai Klang.

“Berdasarkan peranca-

ngan yang dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), terowong ini dimulakan di Jalan Lapangan Terbang Lama dekat Lapangan Terbang Sungai Besi dan menghala secara selari dengan Lebuh Raya Sungai Besi ke arah Seremban sehinggalah sampai sebuah kolam di Taman Desa,” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kemudahan pinjaman sindiket untuk projek pembangunan kawasan Pekeliling, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang menyatakah kerajaan sedang mengkaji cara-cara terbaik bagi mengatasi

masalah banjir kilat di Kuala Lumpur termasuk membina saluran bawah tanah bagi membolehkan air mengalir dengan cepat dari kawasan yang selalu dinaiki air ke sungai.

Perdana Menteri berkata, antara usaha tersebut ialah melalui pembinaan terowong pintar yang sudah dimulakan di Lapangan Terbang Sungai Besi.

Melencongkan

Menurut Tengku Adnan, pembinaan terowong pintar yang dikenali Stormwater Management And Road Tunnel (SMART) itu dilengkapi dengan sebuah kolam yang bertindak menampung air dalam kuantiti yang banyak sebelum dilepaskan secara perlahan-lahan ke dalam sungai di sebelah hilir pusat bandar.

“Bentuk muka bumi Kuala Lumpur adalah terle-

tak di kawasan lembah. Keadaan ini menyukarkan pihak berkuasa bertindak apabila berlaku hujan berterusan.

“Melalui penyediaan terowong pintar, ia dijangka akan melencongkan aliran air sedia ada ke sebuah kolam besar dan ini mengurangkan masalah banjir kilat,” katanya.

Selain projek pembinaan terowong pintar, Tengku Adnan memberitahu, kerajaan sedang mengkaji semula keadaan mendapatkan di semua sungai sekitar ibu negara sebagai langkah mengatasi masalah banjir kilat.

“Antaranya ialah kajian terhadap keadaan di kawasan penempatan penduduk seperti Kampung Baru dan Kampung Keramat,” katanya.